

Usah salahkan orang lain jika gagal: PM

BH 12 JAN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana sesetengah orang Melayu masih suka menyalahkan orang lain apabila menemui kegagalan, terutama dalam bidang perniagaan.

Perdana Menteri berkata, golongan itu tidak melihat kelemahan sendiri, sebaliknya sanggup menyalahkan kerajaan kononnya tidak menyediakan segala kemudahan untuk mereka berniaga.

"Kita perlu membuat analisa mengenai kelemahan pada diri kita dan kenal pasti kelemahan itu untuk diatasi dengan menerapkan nilai-nilai atau budaya yang boleh memastikan kejayaan.

"Kita harus pandai menggunakan segala pe-

Seseorang itu perlu menilai kelemahan diri dan kenal pasti kelemahan untuk diatasi dengan menerapkan nilai-nilai yang boleh memastikan kejayaan

luang perniagaan dan pelbagai dana yang disediakan untuk memulakan perniagaan," katanya ketika melancarkan Dewan Muda, iaitu sayap baru Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Penubuhan Dewan Muda itu diilhamkan oleh Presiden DPPMM Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan keanggotaannya terbuka kepada usahawan lelaki Melayu berumur antara 18

hingga 35 tahun.

Dr Mahathir berkata ada yang membuat tuduhan bahawa orang Cina lebih berjaya kerana mereka menipu tetapi ini bukanlah hakikat sebenarnya.

Katanya, kaum Cina mengamalkan pendekatan yang menyumbang kepada kejayaan mereka, seperti rajin berusaha dan bekerja.

Beliai berkata, satu hakikat yang perlu diakui ialah negara ini mempunyai dasar yang menguta-

makan golongan Bumiputera tetapi selepas 44 tahun merdeka, kaum lain di negara ini nampaknya lebih berjaya.

Dr Mahathir berkata antara perkara yang mungkin menjurus kepada keadaan ini ialah budaya orang Melayu yang tidak mementingkan aspek pendidikan dan penguasaan ilmu.

"Pencapaian kita masih lemah, tidak sejajar dengan usaha, peluang dan kemudahan yang diberikan. Walaupun kini ada 24 juta

rakyat Malaysia, bilangan orang Melayu yang terpelajar amat kurang herbanding kaum Cina dan India," katanya.

Selain mempunyai sifat sabar, Perdana Menteri berkata mereka harus mempunyai sedikit sebanyak pengalaman terlebih dahulu sebelum menceburi bidang perniagaan.

"Kalau belum ada pengalaman, bekerja dulu dan perhatikan selok belok menjalankan perniagaan," katanya.

Dr Mahathir berkata

banyak perniagaan Melayu terpaksa ditutup kerana dikatakan kehabisan modal.

Sebenarnya, kata beliau, seseorang itu perlu tahu memilih perniagaan supaya sesuai dengan modal yang diperuntukkan dan berdisiplin dalam menjalankan perniagaan.

Beliau meminta orang Melayu khususnya pelajar lelaki memperbetulkan sikap dengan menunjukkan minat terhadap pelajaran dan sekali gus memperbaiki keadaan kerana kini le-

bih banyak pelajar wanita di institusi pengajian tinggi tempatan.

Terdahulu, Pengerusi Dewan Muda Arlan Shah Jaffril dalam ucapannya berkata penubuhan badan itu bertujuan mewujudkan satu mekanisme berkesan untuk melahirkan lebih banyak usahawan muda Melayu.

Katanya, ia bukan tempat memudahkan golongan itu mendapatkan kontrak dan ia juga bukan badan pendesak kepada pihak berkuasa.